

16/05/2003

PM dijangka bentang pindaan persempadanan semula

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membentangkan pindaan Fasal 46 Perlembagaan Persekutuan di persidangan Dewan Rakyat bulan depan bagi membolehkan persempadanan semula kawasan pilihan raya Parlimen, dikuatkuasakan.

Untuk tujuan itu, Jabatan Perdana Menteri akan mengemukakan kertas cadangan pindaan berkenaan kepada Dewan Rakyat, pada minggu pertama bulan depan sebelum persidangan bermula pada minggu ketiga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata, pindaan itu bertujuan menguatkuasakan persempadanan semula kawasan pilihan raya selepas usul mengenainya diluluskan Dewan Rakyat, 8 April lalu.

"Fasal 46 Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda untuk kita memasukkan tambahan 25 kawasan pilihan raya Parlimen yang baru, bagi menjadikan anggota Dewan Rakyat bertambah daripada 194 sekarang kepada 219.

"Kertas cadangan pindaan itu akan diserahkan kepada anggota Dewan Rakyat pada minggu pertama bulan depan. Ini akan membolehkan pilihan raya umum akan datang bagi kawasan Parlimen menjadi 219," katanya kepada Berita Harian, ketika dihubungi di Jelebu, Negeri Sembilan, semalam.

Usul persempadanan semula kawasan pilihan raya Parlimen itu sudah ditandatangani Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, 26 April lalu.

Ia membabitkan penambahan 25 kerusi, termasuk lima di Sabah manakala bagi persempadanan bahagian pilihan raya negeri, ia membabitkan penambahan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), termasuk 12 di Sabah.

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesyorkan tambahan enam kerusi Parlimen bagi Johor; lima (Selangor); tiga (Pahang); dua (Pulau Pinang) dan masing-masing satu bagi Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka serta lima kerusi Parlimen bagi Sabah.

Bagi kerusi DUN, tambahan kerusi yang disyorkan ialah dua untuk Kelantan; tujuh (Pulau Pinang); tujuh (Perak); empat (Pahang); lapan (Selangor); empat (Negeri Sembilan); tiga (Melaka); 16 (Johor) dan 12 untuk Sabah.

Ia menjadikan kerusi DUN di seluruh negara bertambah daripada 442 kerusi kepada 505 kerusi. Sarawak yang tidak terbabit dengan persempadanan itu, kini mempunyai 28 kerusi Parlimen dan 62 kerusi DUN.

Persempadanan semula kawasan pilihan raya Parlimen itu sekali gus mewujudkan jawatankuasa penaja 25 Umno bahagian yang baru yang bakal ditentukan Majlis Tertinggi Umno selepas persempadanan semula itu diluluskan Dewan Rakyat.